



*Pengguna Bijak*

## Mendepani Kenaikan Harga Barang dan Inflasi

**T**AHAP kekhawatiran pengguna semakin meruncing berikutan senario kenaikan harga barangan dalam pasaran yang berterusan. Perkembangan ini secara tidak langsung menjadi tanda bahawa indeks inflasi akan meningkat berbanding dengan tempoh sebelum ini. Secara umumnya, pengguna dapat menerima hakikat kesan yang dibawa oleh inflasi dalam sistem kapitalis. Namun demikian, kesan inflasi yang begitu ketara sukar untuk diasimilasikan oleh pengguna dengan secara mudah.

Situasi akan bertambah buruk jika penurunan mata wang negara berlaku dalam keadaan mendadak. Hal ini dapat menyebabkan perubahan drastik terhadap kos input pengeluaran di dalam negara, terutamanya yang melibatkan industri dan firma pengeluar yang bergantung tinggi terhadap barangan perantara dan barangan modal yang

diimport. Kenaikan harga barangan yang tidak terkawal mungkin akan berlaku, malah inflasi yang diimport seperti ini mungkin menjadi ancaman yang lebih serius kepada ekonomi negara.

Impak kejatuhan mata wang juga cenderung untuk memberikan impak yang besar kepada isi rumah kerana menjejaskan kemampuan rakyat untuk berbelanja. Kenaikan harga barangan yang disebabkan oleh inflasi yang diimport akan mengurangkan nilai pendapatan benar isi rumah. Malah kekayaan dan simpanan rakyat dalam bentuk tunai turut terhakis nilainya. Dalam jangka masa panjang, keadaan ini akan memburukkan agihan kekayaan dalam ekonomi, terutamanya kepada isi rumah.

Isi rumah sebagai pengguna yang dominan merupakan golongan yang paling terjejas dengan keadaan ekonomi semasa. Pendapatan mereka yang

sedikit dengan peningkatannya yang cukup perlahan memperlihatkan situasi kontra dengan kenaikan harga barangan yang terus-menerus meningkat.

Inflasi ialah musuh wang yang paling besar dan paling utama. Inflasi tidak menjejaskan pengguna secara langsung, tetapi mengambil nilai wang. Inflasi dapat diumpamakan seperti pencuri, hanya inflasi tidak mengambil wang secara fizikal, tetapi kerugian yang diakibatkan oleh inflasi sangat besar.

Inflasi terpaksa dianggap sebagai perkembangan ekonomi biasa, selagi peratusan tahunan masih rendah. Walau bagaimanapun, krisis ekonomi akan wujud sekiranya peratusan itu meningkat kepada angka yang lebih tinggi. Dua kesan secara langsung yang dapat dirasakan oleh pengguna akibat daripada inflasi ialah kuasa beli wang mengecil atau merosot dan

**Inflasi  
bekalan wang akan  
menyebabkan hiperinflasi  
kerana wang yang  
banyak dicetak untuk  
membiayai perbelanjaan  
peperangan.**



kos bayaran balik pinjaman meningkat kerana kadar faedah menjadi lebih tinggi.

Untuk memahami inflasi dengan lebih baik, kita lihat dahulu sepiantas lalu faktor yang menjadi penyebabnya. Secara umumnya, terdapat enam punca utama inflasi berlaku, iaitu tarikan permintaan, tolakan kos, bekalan wang, pentadbiran harga, inflasi yang diimport dan kenaikan gaji. Faktor luar negara boleh menyebabkan inflasi yang diimport meningkat. Kenaikan harga barangan import boleh berlaku secara langsung, iaitu inflasi berlaku di negara pengekspor atau secara tidak langsung melalui perubahan kadar tukaran wang asing yang memihak kepada negara pengekspor.

Sementara itu, inflasi yang berpunca daripada tarikan permintaan berlaku apabila bekalan barangan dan perkhidmatan tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan. Inflasi ini disebabkan oleh pertambahan permintaan secara tiba-tiba dalam jangka masa pendek. Pengeluar kesuntukan masa untuk menambah pengeluaran bagi memenuhi permintaan. Peniaga pula mengambil kesempatan untuk memperoleh keuntungan yang lebih.

Dalam pada itu, inflasi tolakan kos berlaku apabila kos pengeluaran meningkat. Pengeluar akan memindahkan kos yang ditanggungnya kepada pengguna dengan menaikkan harga untuk mengekalkan keuntungan. Dalam hal ini, pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (CBP) yang bermula pada 1 April lalu, turut memberikan kesan kepada kenaikan harga barang ekoran peningkatan kos selepas pengeluar dikenakan CBP. Pada peringkat awal pelaksanaan sistem cukai baharu ini, pengguna tidak dapat mengelak daripada berdepan dengan kenaikan harga barang yang ketara.

Sehubungan dengan itu, inflasi yang berpunca daripada bekalan wang pula berlaku apabila bekalan wang meningkat melebihi bekalan barangan atau perkhidmatan dalam pasaran. Inflasi ini biasanya terjadi semasa peperangan. Dalam kes yang lebih buruk, inflasi bekalan wang akan menyebabkan hiperinflasi kerana wang yang banyak dicetak untuk membiayai perbelanjaan peperangan. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan peningkatan

bekalan wang pada tahap tertentu bersesuaian dengan barangan dan perkhidmatan yang ada dalam pasaran setiap masa.

Inflasi pentadbiran harga berlaku apabila hanya terdapat sebuah syarikat (monopoli) atau sebilangan kecil syarikat (oligopoli) yang membekalkan barangan atau perkhidmatan. Pengeluar biasanya mempunyai kuasa untuk menentukan harga. Jika pengeluar menggunakan kuasa itu, harga akan meningkat. Pengguna (dan pemerintah) tidak mempunyai pilihan dan terpaksa membeli pada paras harga yang ditentukan oleh pengeluar atau pembekal. Mereka berkemungkinan akan menaikkan harga barangan atau perkhidmatan untuk menikmati keuntungan yang lebih besar, walaupun kosnya tidak meningkat.

Untuk mendepani keadaan ini, sebagai motivasi kepada pekerja, terdapat pihak syarikat atau majikan yang kadang-kadang memberikan kenaikan gaji tahunan, bayaran bonus ataupun insentif tertentu. Motivasi seperti ini adalah perlu bagi memastikan margin produktiviti dan pengeluaran syarikat berterusan dan berdaya maju. Apabila kejadian ini berlaku, kos pengeluaran turut naik dan menyumbang kepada pertambahan harga barang. Hal ini boleh menyebabkan berlakunya inflasi kenaikan kadar upah.

Sememangnya tidak banyak yang dapat dilakukan oleh pengguna untuk menangani isu kenaikan harga barang yang begitu ketara dan mengekang inflasi. Walau bagaimanapun, sekiranya semua pengguna di Malaysia bersatu, kita dapat mengekang harga barang dan perkhidmatan daripada terus-menerus naik dan seterusnya memperlakukan sedikit kesan inflasi. Antara pendekatan yang dapat diambil oleh pengguna yang peka termasuklah tidak membeli semasa harga tinggi, tunggu sehingga harga menjadi rendah. Keadaan ini tidak terpakai untuk barang keperluan, seperti beras, gula, minyak dan gula. Sebaliknya dapat diaplikasikan untuk barangan berasaskan teknologi, seperti gadget, telefon, komputer riba dan kenderaan.

Selain itu, pengguna harus mengelakkan pembaziran, membeli apabila perlu dan mengikut rancangan perbelanjaan serta kemampuan. Pengurusan kewangan peribadi dan keluarga yang baik dan sistematik merupakan keperluan yang mulai mendapat tempat dalam kalangan rakyat



Malaysia. Hal ini memang langkah yang cukup wajar dan memberikan impak yang ketara jika diamalkan oleh pengguna yang bijak.

Apabila berbelanja, pengguna disarankan supaya mencari kedai yang menawarkan harga yang berpatutan serta yang meletakkan tanda harga. Manfaat yang diperolehi dengan melihat tanda harga sebelum membeli adalah untuk mengelakkan penipuan harga yang dilakukan oleh peniaga terhadap barang jualan, di samping itu pengguna juga dapat membandingkan harga antara dua atau lebih kedai. Hal ini sudah tentu dapat mewujudkan suasana menang-menang antara pengguna dan peniaga. **de**

**Antara  
pendekatan yang  
dapat diambil oleh  
pengguna yang peka  
termasuklah tidak  
membeli semasa harga  
tinggi, tunggu sehingga  
harga menjadi  
rendah.**